



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

**KEMULIAAN SYAABAN
MENUJU KEBERKATAN RAMADHAN**

Tarikh Dibaca :

**8 SYAABAN 1443H/
11 MAC 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**KEMULIAAN SYAABAN MENUJU KEBERKATAN RAMADHAN****8 SYAABAN 1443H / 11 MAC 2022**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

﴿ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ آل عمران: ١٣٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Kemuliaan Syaaban Menuju Keberkatan Ramadhan”**.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan supaya kita sentiasa berdisiplin dengan kawalan sendiri serta mendapatkan vaksin sama ada untuk diri sendiri dan anak-anak melalui program PICKids yang sedang dilaksanakan. Kita sama-sama berikhtiar dan seterusnya bertawakal kepada Allah SWT serta sentiasa beristighfar dan bermunajat kepada Allah SWT agar kita mendapat pertolongan dan rahmat daripada-Nya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedar atau tidak, kita sudah berada pada 8 Syaaban. Bulan Syaaban merupakan bulan yang mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri. Bulan ini juga merupakan bulan diangkat amalan-amalan kita kepada Allah SWT. Daripada Usamah bin Zaid RA, beliau berkata: Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam sesuatu bulan sebagaimana engkau berpuasa dalam bulan Syaaban? Nabi SAW bersabda:

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ ، وَهُوَ شَهْرٌ تَرَفُّعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Maksudnya: “Itu merupakan bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadhan. Bulan tersebut merupakan bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-‘Alamin (Allah SWT), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa”. **(Hadis riwayat Imam al-Nasa’i)**

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zaid RA ini menunjukkan bahawa Nabi SAW lebih gemar amalannya diangkat ketika Baginda SAW dalam keadaan berpuasa. Tambahan pula, Bulan Syaaban, bulan yang sering manusia lalai disebabkan bulan ini terletak antara dua bulan yang mulia iaitu Bulan Ramadhan dan juga salah satu daripada bulan haram (Rejab). Telah berkata Ibn al-Qayyim *rahimahullah*: “Amalan diangkat dan dibentangkan kepada Allah SWT: Amalan tahunan diangkat pada Bulan Syaaban sebagaimana dikhabarkan oleh Baginda SAW dan amalan mingguan pula diangkat pada hari Isnin dan Khamis”.¹

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A’isyah *radhiallahu ‘anha* beliau telah berkata:

¹ Lihat: Hasyiah Ibn al-Qayyim bagi Sunan Abu Daud, 12:313

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لَا يَفْطِرُ، وَيَفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لَا يَصُومُ. فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرِ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَامًا مِنْهُ فِي شَعْبَانَ

Maksudnya: “Baginda SAW biasanya berpuasa sehingga kami katakan bahawa baginda tidak akan berbuka (berpuasa terus). Dan Baginda SAW apabila berbuka sehingga kami katakan bahawa beliau akan terus berbuka (tidak berpuasa terus). Dan aku tidak melihat Baginda SAW menyempurnakan puasanya sebulan penuh melainkan pada Bulan Ramadhan. Dan aku juga tidak pernah melihat Baginda SAW berpuasa (puasa sunat) dalam sebulan yang lebih banyak melainkan ketika Baginda SAW berpuasa pada Bulan Syaaban”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Selain itu, hadis ini juga menunjukkan bahawa kita digalakkan untuk beramal dan melakukan ketaatan pada waktu manusia sedang lalai. Ini kerana, perbuatan ini amat disukai dan dikasihi oleh Allah SWT.

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW banyak berpuasa dalam Bulan Syaaban. Maka dengan itu dapat difahami bahawa memperbanyakkan puasa sunat dalam Bulan Syaaban merupakan satu sunnah namun begitu Baginda SAW tetap tidak berpuasa penuh sebulan dalam bulan ini. Berpuasa sunat dalam Bulan Syaaban boleh juga dianggap sebagai latihan sebelum kita berpuasa penuh sebulan pada Bulan Ramadhan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT telah menciptakan kita sebagai manusia yang sentiasa memiliki kekurangan dan kelemahan sebagai satu ujian ke atas kita. Kekurangan dalam ibadah fardu yang dilaksanakan akan ditampung dengan ibadah sunat. Umpama solat fardu lima waktu yang dikerjakan akan ditampung kekurangan pada kualiti pelaksanaannya dengan solat-solat sunat rawatib sebelum dan selepas yang mengiringinya. Demikianlah juga dengan puasa fardu Ramadhan yang ditampung dengan puasa-puasa sunat. Imam Ibn Daqiq al-Eid ketika menjelaskan hikmah didahulukan solat fardu dengan solat sunat *qabliyah*: “Apabila

didahulukan ibadah-ibadah sunat ke atas ibadah fardu, jiwa seseorang itu akan menjadi lebih jinak untuk beribadah ... Lalu dia memasuki solat-solat fardu dalam keadaan yang baik, yang tidak akan diperoleh sekiranya dia tidak mendahulukan ibadah sunat tersebut”.

Demikianlah juga dengan puasa-puasa sunat dalam Bulan Syaaban. Ia ibarat solat sunat *ratibah qabliyah* bagi solat fardu. Hikmahnya supaya, kita akan lebih bersedia, bertenaga, dan khusyuk saat memasuki puasa fardu pada Bulan Ramadhan kelak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Bersempena dengan Hari Wanita yang disambut pada 8 Mac lalu, Islam merupakan satu agama yang mencela sikap diskriminasi pada apa jua bentuk seperti diskriminasi kaum dan jantina. Ingatlah, seorang wanita itu merupakan ibu kita, isteri kita, anak-anak kita dan saudara-saudara kita dalam agama mahupun komuniti dalam masyarakat. Islam telah mengangkat kedudukan wanita pada satu tahap yang sama dengan orang lelaki pada sudut iman, ilmu dan ibadah. Bahkan Allah SWT telah menyatakan tujuan diciptakan lelaki dan perempuan itu ialah untuk saling mengenali. Firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَتَأْتِيَ النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ

اللَّهِ أَنْفَتَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami telah jadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu kenal mengenal (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.*

Justeru, mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib ingin merumuskan beberapa perkara:

Pertama: Bulan Syaaban merupakan fasa latihan dan persediaan untuk menjalani ibadah puasa sepanjang Bulan Ramadhan.

Kedua: Kita digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah puasa sunat pada Bulan Syaaban.

Ketiga: Pada Bulan Syaaban amalan-amalan kita diangkat kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ الْكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي الْكُوغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ،

❁ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.